

LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF Chief Executive Officer's Report



Anuar bin Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif/
Chief Executive Officer

Pada tahun tinjauan yang berakhir 31 Mac 2001, PETRONAS Dagangan Berhad telah mencatat pencapaian baru dalam jumlah penjualan dan hasil pendapatan. Keuntungan bersih yang tercatat adalah yang tertinggi pernah dicapai dalam sejarah Syarikat.

Prestasi Kewangan

Dalam tahun tinjauan, jumlah hasil yang diperolehi ialah RM6,388 juta, melebihi hasil tahun sebelumnya berjumlah RM5,057 juta dengan kadar 26%. Prestasi yang membanggakan ini berpunca daripada jumlah penjualan yang bertambah dan harga produk yang lebih tinggi. Oleh itu, keuntungan bersih sebelum cukai bagi Kumpulan meningkat ke paras tertinggi RM553 juta, iaitu 160% lebih tinggi daripada RM213 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya. Harga produk yang menurun selaras dengan harga minyak dunia yang semakin lemah, terutama sekali pada setengah tahun kedua, telah memberi kesan positif kepada margin yang dicapai. Setelah membuat peruntukan untuk cukai, keuntungan bersih Kumpulan ialah RM390 juta, melebihi rekod pencapaian sebelum ini sejumlah RM354 juta pada tahun 1999. Turut termasuk dalam keuntungan tersebut ialah laba berjumlah RM33 juta hasil daripada penjualan sebahagian daripada pemegangan Syarikat dalam Projek Saluran Paip Pelbagai Produk (MPP) dan Terminal Pengedaran Lembah Klang (KVDT) kepada Esso Malaysia Berhad.

Sejajar dengan keuntungan yang bertambah, perolehan sesaham (EPS) meningkat kepada 78 sen sesaham daripada 29 sen pada tahun sebelumnya. Kunci kira-kira Kumpulan juga bertambah teguh sepanjang tempoh laporan dengan jumlah aset bertambah 15% kepada RM3.27 bilion pada 31 Mac 2001 dan Dana Pemegang Saham meningkat 19% kepada RM1.87 bilion. Kumpulan membelanjakan RM271 juta untuk perbelanjaan modal dan semua perbelanjaan ini telah dibiayai oleh dana dalaman. Aset ketara bersih Kumpulan pada 31 Mac 2001 ialah 377 sen sesaham.

Prestasi Perniagaan

Jumlah jualan Syarikat bertambah pada kadar 10% sepanjang tahun lepas, jauh lebih pesat daripada pertumbuhan permintaan negara. Hasilnya, Syarikat meningkatkan lagi bahagian pasarannya, dan merapatkan jurang di antara Syarikat dengan peneraju pasaran.

For the financial year ending 31 March 2001, PETRONAS Dagangan Berhad recorded a new high for sales volume and revenue. The net profit recorded was the highest ever in the Company's history.

Financial Performance

During the year in review, total revenue generated amounted to RM6,388 million, exceeding the previous year's revenue of RM5,057 million by 26%. This impressive performance is attributed to both higher sales volume and higher product prices. Accordingly, the Group's net profit before tax surged to a record RM553 million which was 160% higher than RM213 million realised in the previous year. Declining products prices in tandem with weakening world oil prices, especially in the second half of the year had a positive influence on the margins realised. After making provisions for taxes, the Group net profit was RM390 million, which surpassed the previous record of RM354 million achieved in 1999. Included in the profits is the gain of RM33 million arising from the disposal of part of the Company's holding in the Multi-Product Pipeline (MPP) and Klang Valley Distribution Terminal (KVDT) to Esso Malaysia Berhad.

In line with higher profits, earnings per share (EPS) increased to 78 sen per share from 29 sen in the previous year. The Group's balance sheet also strengthened over the reporting period with total assets growing by 15% to RM3.27 billion as at 31 March 2001 and Shareholders' funds increased by 19% to RM1.87 billion. The Group spent RM271 million on capital expenditure and all this spending was financed by internally generated funds. The Group's net tangible assets as at 31 March 2001 stood at 377 sen per share.

Business Performance

The Company's sales volume grew at 10% over the last year, outpacing the national demand growth. As a result, the Company further increased its market share and further narrowing the gap between the Company and the market leader.

KEDAI MESRA

Mesra C Store



Perniagaan Runcit ialah tumpuan strategi pertumbuhan Syarikat sepanjang tahun tinjauan, justeru sebahagian besar belanjawan modal telah dibelanja untuk pembangunan kemudahan runcit. Rangkaian stesen servis telah bertambah lagi dengan siapnya 58 buah stesen servis baru, yang daripadanya 26 buah telah mula beroperasi sepanjang tahun ini, sementara baki 32 buah sedang menunggu kelulusan kawal selia yang diperlukan untuk memulakan perniagaan. Pada masa ini, Syarikat mengendalikan 552 buah stesen servis di seluruh negara. Pembangunan rangkaian stesen servis akan diteruskan secara agresif dalam tahun kewangan semasa. Rangkaian kedai Mesra Syarikat juga telah bertambah dengan pembukaan 34 buah lagi kedai baru sepanjang tahun, menambahkan jumlahnya kepada 100 buah. Bagi memenuhi keperluan pelanggan yang sibuk, Syarikat terus menawarkan pelbagai barangan di kedai Mesra. Barangan tersebut termasuk beras jenama Mesra dan roti serta pastri segar di beberapa kedai tertentu. Perkhidmatan lain yang disediakan di stesen servis PETRONAS termasuk mesin ATM, pejabat pos, farmasi dan restoran layanan segera.

Syarikat terus melabur dalam Sistem Pembayaran Elektronik (EPS) untuk memenuhi keperluan pelanggan bagi urus niaga tanpa menggunakan wang, dan sistem ini kini terdapat di hampir semua stesen. Tambahan lagi, kemudahan bayar di pam kini terdapat di semua stesen di zon layan diri dan di pusat-pusat bandar. Dalam tahun ini, Kerajaan telah meluaskan zon khidmat layan diri yang kini meliputi Lembah Klang, Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Kuantan, Alor Setar, Kulim, Sungai Petani dan semua stesen di sepanjang lebuh raya utara-selatan. Dengan EPS, kad "Smartpay" Syarikat serta kad kredit dan caj lain yang popular kini diterima di hampir semua stesen servis di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Kad Rebet Tunai Mesra Syarikat terus diterima baik oleh pelanggan. Kelab Mesra X-tras terus mengatur aktiviti dan promosi untuk pemegang kad Mesra dan keluarga mereka. Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun termasuk perlumbaan mencari harta tersembunyi, jamuan makan durian dan pertandingan memancing ikan.

Perniagaan runcit pada masa ini merangkumi lebih daripada suku jumlah jualan Syarikat, dan sumbangannya dijangka akan bertambah sejajar dengan perkembangan rangkaian stesen servis. Sepanjang tahun tinjauan, pertumbuhan hebat sebanyak



Rangkaian kedai Mesra
juga telah bertambah
dengan pembukaan
34 buah kedai lagi
menambahkan bilangannya
kepada 100

The network of Mesra C-
stores was also widened
with the opening of 34 new
outlets.... increasing the
total number to 100

The **Retail Business** was the focus of the Company's growth strategy during the year in review and accordingly, a significant portion of the capital budget was spent on the development of retail facilities. The network of service stations was further expanded with the completion of 58 new service stations, of which 26 began operation during the year, while the remaining 32 are awaiting the required regulatory approvals to commence business. The Company presently operates a network of 552 service stations nationwide. The expansion of the service station network will be continually pursued aggressively in the current financial year. The coverage of the Company's Mesra convenience stores was also widened with the opening of 34 new outlets during the year, increasing the total number of Mesra C-stores to 100. In response to the needs of the busy customers, the Company continues to make available an array of offerings at the convenience stores. It now includes Mesra branded rice and freshly baked bread and pastry at some selected outlets. Other offerings available at PETRONAS service stations include ATM machines, post offices, pharmacies and quick service restaurants.

The Company continued to invest in its Electronic Payment System (EPS) to meet customers requirement for cashless transactions and the system is now available in nearly all the service stations. In addition, pay at the pump facilities are now available at all service stations in the self serve zone and in urban centres. During the year, the Government extended the self serve zone which now includes the Klang Valley, Johor Bahru, Ipoh, Penang, Kuantan, Alor Setar, Kulim, Sungai Petani and all stations along the north-south highway. With EPS, the Company's "Smartpay" card and other popular credit and charge cards are now welcomed at almost all service stations throughout Peninsular Malaysia and in Sabah and Sarawak.

The Company's Mesra Cash-In-Rebate card continued to be well received by customers. The Mesra X-tras Club continued to organise activities and promotions for the Mesra card holders and their families. Activities held during the year included treasure hunts, a durian feast, and a fishing competition.





LAYANAN MESRA

Mesra Services

16% dalam jumlah jualan telah dicapai. Petrol generasi baru PETRONAS premium 97 oktana tanpa plumbum PRIMAX, yang diperkenalkan pada Januari 2000, kekal menjadi petrol pilihan utama, berdasarkan angka jualannya yang memberangsangkan.

Perniagaan Komersil, yang menjadi asas perniagaan Syarikat, mencatat lebih daripada 60% jumlah jualan Syarikat. Seiring dengan peningkatan paras aktiviti ekonomi sepanjang tahun tinjauan, permintaan produk petroleum yang lebih tinggi telah dilihat, dan petugas jualan dalam unit perniagaan ini menunjukkan prestasi yang baik dengan meningkatkan penjualan bahan bakar kepada pelanggan perindustrian dan komersil sehingga melebihi kadar pertumbuhan permintaan pasaran. Syarikat kini membekalkan lebih setengah daripada bahan bakar jet yang dijual di negara ini. Bagi minyak bahan bakar, jumlah jualan merosot 35% berbanding tahun lalu, terutama kerana jumlah penggunaan yang lebih rendah oleh TNB, ekoran peningkatan penggunaan gas asli untuk menjana kuasa dan peralihan kepada diesel sebagai bahan bakar untuk kilang. Dalam perniagaan asphalt, produk terbaru dalam rangkaian produk Syarikat, kira-kira 10% daripada bahagian pasaran telah dapat dikuasai pada tahun pertamanya. Didorong oleh kejayaan di Semenanjung Malaysia, keputusan telah dibuat untuk memasuki pasaran asphalt di Sabah dan Sarawak. Penjualan akan bermula sebaik sahaja kemudahan tempat penyimpanan diperolehi.



Syarikat terus membekalkan bahan bakar perkapalan kepada kapal di beberapa pelabuhan terpilih dalam negara. Walau bagaimanapun, di Pelabuhan Klang, perniagaan ini tidak mencapai tahap kejayaan seperti yang diharapkan, mengakibatkan kerugian bagi West Port Bunkering Services Sdn Bhd (WEBS), syarikat subsidiari yang bertanggungjawab bagi perniagaan bahan bakar perkapalan di Pelabuhan Klang. Syarikat sedang berunding dengan rakan usaha samanya untuk menyusun semula perniagaan ini.